

PENGETAHUAN TENTANG MAKANAN HALAL DAN HARAM DALAM KALANGAN KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH

Mumtazah Othman
Syuhaily Osman
Farhan Mat Arisah
Pusat Kecemerlangan Kajian Penggunaan Lestari
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Makanan merupakan keperluan asas dalam kehidupan manusia. Tanpa makanan, kesihatan manusia akan terjejas. Agama Islam menganjurkan dua perkara utama dalam hal makanan iaitu, kehalalan dan kebersihan makanan yang diambil. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu.”

(Surah *al-Baqarah* 2: 168).

Dalam agama Islam, sesuatu yang halal itu semestinya tidak mendatangkan kemudaratan dan selamat untuk dimakan. Hal ini bermakna, aspek kebersihan dan keselamatan makanan turut berkait rapat dengan pengambilan sesuatu makanan. Halal tetapi tidak bersih dan tidak selamat, sama ada dari segi penyediaan mahupun ketika makanan itu diproses, akan mengakibatkan kesihatan seseorang itu terjejas. Sememangnya umat Islam harus mengambil berat tentang apa jua sumber yang menjadi asas pemakanannya. Hal ini kerana kita tahu bahawa setiap makanan yang diambil akan menjadi darah daging manusia itu sendiri. Mengambil makanan yang halal, bersih dan selamat bukan sahaja akan menjamin kesihatan seseorang, malah mampu membentuk nilai spiritual yang amat tinggi dalam diri seseorang itu dengan akhlak dan perilaku yang baik.

Dalam membincangkan tentang konsep haram pula, ia bukan sahaja meliputi makanan yang tidak mengandungi unsur khinzir, malah ia meliputi konsep yang lebih luas lagi, seperti sumber pendapatan, cara hidup dan lain-lain.

Malah, haram bagi umat Islam terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan yang diperolehi, jika ia dicari dengan cara seperti mencuri dan menyalahi aturan penggunaannya dalam konsep undang-undang Islam. Oleh yang demikian, menjadi kewajipan dan tanggungjawab umat Islam pada hari ini untuk lebih berhati-hati dan mengambil berat tentang pemakanan halal ini. Hendaklah kita sentiasa memastikan bahawa setiap makanan yang diperolehi dan dimakan itu adalah halal menurut syariat Allah SWT. Sesungguhnya, suruhan Allah SWT ini adalah untuk tujuan dan kebaikan manusia bersama.

Selari dengan perkembangan dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam industri makanan dan peningkatan dari segi daya pengeluarannya, pelbagai jenis barangan telah dikeluarkan, termasuklah barangan yang menggunakan pelbagai jenis dan cara pengawetan. Misalnya, syarikat-syarikat pengeluar barangan makanan kini menggunakan pelbagai jenis bahan kimia, enzim, perisa, aroma, bahan pewarna, hormon dan sebagainya bagi menambahkan kelazatan dan ketahanan produk keluaran mereka. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, banyak isu halal dan haram pada produk makanan ditimbulkan oleh masyarakat, pihak berkuasa dan juga badan-badan tertentu. Sehubungan itu, halal dan haram menjadi isu yang membimbangkan seluruh umat Islam di dunia. Isu ini bukan hanya mendapat perhatian di Malaysia, bahkan umat Islam di seluruh dunia juga sangat peka dan sensitif terhadap isu ini.

Penandaan makanan dengan logo halal sekurang-kurangnya dilihat dapat meyakinkan pengguna Islam terhadap produk makanan yang ingin dibeli. Sungguhpun begitu, penyelewengan sesetengah pengusaha makanan terhadap penggunaan logo halal dan Sijil Pengesahan Halal (SPH) dengan tujuan untuk menarik perhatian pengguna dan melariskan jualan mereka terhadap pengguna Islam semakin berleluasa. Akibatnya, kepercayaan umat Islam terhadap pihak yang berkuasa semakin berkurangan kerana tiada tindakan susulan diambil terhadap pengusaha makanan yang tidak bertanggungjawab ini. Bagi umat Islam, isu halal sepatutnya menjadi perkara yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Setiap tindakan yang ingin dilakukan perlu memikirkan faktor halal terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang tidak halal, maka api nerakalah yang paling layak baginya. Kesedaran pengguna Islam dalam memastikan adanya logo halal pada barangan atau perkhidmatan dan seterusnya membandingkan logo tersebut dengan logo yang asli bagi memastikan ketulenan logo tersebut didapati masih rendah (Hamidah, Julai 2011).

Di samping itu, lambakan makanan import dari luar negara yang terdapat di pasaran, sama ada dari segi produk makanan yang belum atau telah diproses

turut menimbulkan kemusykilan berhubung dengan status halalnyanya. Ia termasuklah daging yang diimport, makanan di dalam tin atau makanan yang telah diproses seperti daging burger, sosej dan sebagainya. Kekaburan status halal dan haram produk yang dikeluarkan oleh industri pemprosesan makanan antara lain disebabkan penggunaan bahan asas dan aditif yang tidak jelas status kehalalannya dan kefahaman tentang isi kandungannya. Sesetengah individu atau pengguna berpendapat dengan membaca label makanan tersebut, status halal dan haram sesuatu makanan itu dapat diketahui.

Golongan kanak-kanak merupakan mangsa yang selalu dijadikan bahan percubaan untuk mengaut keuntungan dalam industri makanan yang tidak berkhasiat dan membahayakan. Usaha memelihara kesejahteraan ummah seharusnya bermula seawal usia kanak-kanak. Penekanan tentang aspek halal dan haram dalam pengambilan makanan dan minuman oleh golongan kanak-kanak adalah perlu kerana zaman kanak-kanak merupakan zaman yang penting bagi perkembangan individu untuk menjadi seorang Muslim yang sejahtera. Apa yang dimakan pada hari ini akan mempengaruhi personaliti dan ciri-ciri individu pada masa depan. Selain itu, kanak-kanak juga merupakan golongan pengguna yang banyak mempengaruhi pola perbelanjaan ibu bapa terhadap barangan dan perkhidmatan di pasaran. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka dengan memberikan pengetahuan yang relevan dan seiring dengan kecanggihan sistem pemasaran masa kini, terutamanya pengetahuan tentang isu halal. Dalam proses memperkasakan idealisme, intelektualisme dan aktivisme ummah, aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah aspek pemakanan. Oleh itu, sebagai pengguna, kanak-kanak juga perlu dididik dengan pengetahuan tentang isu halal dan haram, khususnya yang berkaitan dengan pengambilan makanan dan minuman. Persoalannya, apakah tahap pengetahuan kanak-kanak sekolah rendah tentang halal dan haram dalam makanan? Apakah terdapat perbezaan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan dari segi keprihatinan mereka terhadap isu ini?

Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan kanak-kanak sekolah rendah tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan halal dan haram dalam makanan. Analisis kajian dilakukan untuk meneliti perbandingan pengetahuan tentang makanan halal dan haram mengikut jantina.

Tinjauan literatur

Secara umumnya, pengetahuan ialah maklumat yang diketahui atau disedari oleh seseorang. Pengetahuan bukanlah elemen yang hanya diterima pakai secara langsung tanpa melihat bagaimana elemen itu diuruskan daripada satu input kepada output yang lain. Pengetahuan boleh didefinisikan sebagai satu gabungan yang terdiri daripada idea, peraturan, prosedur dan maklumat yang tersusun (Marakas, 1999). Pengetahuan juga merupakan maklumat yang datang melalui rangka pengalaman, pengadilan dan pemahaman tentang sesuatu, nilai dan boleh dilihat sebagai satu rangka pemahaman dan kemahiran mental yang dibina oleh akal manusia (Clarke dan Rollo, 2001).

Isu berhubung dengan konsep halal dan haram telah diperjelaskan dengan terperinci dalam al-Quran. Setiap sumber makanan, sumber pendapatan, bahan keperluan harian dan sebagainya, adalah wajib halal. Dalam Islam, tidak ada istilah “Separa halal”, “Separuh halal” atau “Gred halal dengan 3 bintang” atau sebagainya. Setiap bahan dan sumbernya bukan sahaja perlu 100% halal, malah suci dan baik serta tidak menimbulkan rasa was-was atau keraguan tentang status halalnya. Hal ini kerana setiap sumber yang haram akan menjadi darah daging yang seterusnya akan menjejaskan amalan, doa dan personaliti dalaman dan luaran seseorang.

Halal bermaksud “yang dibenarkan” atau “yang diizinkan” menurut hukum Islam. Isu halal bagi makanan adalah satu perkara yang diberikan perhatian berat oleh umat Islam kerana ia merupakan satu isu yang sangat sensitif (Saifuddeen, 2001). Makanan yang dimakan akan diproses dan seterusnya menjadi darah dan daging manusia. Oleh itu, makanan yang dimakan seharusnya terdiri daripada yang halal dan baik yang terdapat di bumi (Surah *al-Baqarah* 2: 168). Maka sepatutnya isu dan keraguan halal dan haram makanan diberikan perhatian khusus untuk mendapat kepastian tentang statusnya.

Makanan halal bukan hanya dilihat indah pada rupa dan enak pada rasa bahkan lebih daripada itu. Apa yang baik pula ialah suatu yang mendatangkan faedah bagi keperluan tubuh badan, akal dan emosi. Sebaliknya, apa jua bahan makanan yang boleh merosakkan pertumbuhan fizikal, kesihatan mental atau akal serta yang menjejaskan emosi adalah sesuatu yang diharamkan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Maidah*, ayat 3 yang bermaksud:

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), darah (yang keluar mengalir), daging babi (termasuk semua anggota tubuhnya), binatang-binatang yang disembelih bukan kerana Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati kerana jatuh dari tempat

tinggi, yang mati ditanduk, yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), yang disembelih atas nama berhala (diharamkan juga) kamu bertenggang nasib dengan undi batang-batang anak panah, yang demikian itu adalah perbuatan fasiq.”

(Surah *al-Maidah* 5: 3).

Selari dengan perkara ini, pengguna Islam di Malaysia didapati sangat mementingkan logo halal dan tarikh luput sebelum membeli produk makanan (Saifuddeen, 2001). Namun begitu, logo halal yang dipamerkan belum cukup untuk membuktikan bahawa makanan tersebut bersih dan suci. Pengguna berasa selamat jika terdapat logo halal pada bungkus produk makanan tersebut. Tanpa mengambil kira tentang keselamatan, kandungan nutrisi dan kebersihan, makanan tersebut boleh dimakan selagi ia mempunyai tanda halal, sedangkan apa yang dikehendaki oleh Islam ialah makanan yang halal dan *tayyib* (baik) (Saifuddeen, 2001). Makanan tersebut juga mestilah benar-benar halal untuk digunakan oleh pengguna Islam. Pengguna perlu sedar bahawa pengambilan bahan-bahan yang haram untuk dimakan atau diminum akan menyebabkan ibadat tidak khusyuk, rezeki tidak berkat dan terdedah dengan kerosakan akhlak.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW sendiri mengingatkan umatnya supaya sentiasa berhati-hati dalam perkara berkaitan dengan makanan dan minuman yang diambil. Hadith daripada Nukman bin Basyir r.a., katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya perkara yang halal itu adalah sesuatu yang nyata dan demikian juga yang haram adalah nyata, (telah dijelaskan oleh Allah dan Rasul-Nya) namun terdapat di antara kedua-duanya (halal dan haram) itu perkara yang kesamaran (syubhat) yang mana tidak diketahui oleh ramai dalam kalangan manusia. Maka barangsiapa yang memelihara dirinya daripada mengambil perkara-perkara yang syubhat, maka terpeliharalah agamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa yang melibatkan diri pada perkara-perkara syubhat bererti ia melibatkan dirinya pada perkara yang haram.”

(Hadith Riwayat Bukhari)

Islam juga telah menetapkan peraturan tentang makanan yang halal dan haram. Makanan halal boleh dijelaskan dengan sesuatu bahan makanan yang suci dan baik di samping tidak melanggar syariat Islam sewaktu mendapatkan dan menggunakannya. Arak, khinzir dan anjing ialah contoh makanan yang telah ternyata tidak diharamkan oleh syarak (haram) untuk memakannya. Hal ini berdasarkan peraturan yang ditemui dalam al-Qur'an dan hadith. Firman Allah SWT dalam Surah *al-Maidah*, ayat 90 yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertengung nasib adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat kejayaan.”

(Surah Al-Maidah 5: 3).

Bagi umat Islam, terdapat peraturan dan panduan tertentu bagi memastikan bahawa makanan yang diambil dan digunakan adalah yang bermanfaat bagi kesihatan dan memberikan kebaikan. Isu penting yang harus diikuti oleh setiap orang Muslim ialah memastikan bahawa makanan tersebut memiliki kejelasan dari segi status halal atau haram. Mengikut hukum Syariah, sesuatu bahan makanan dinyatakan memiliki status halal apabila:

1. Makanan tersebut atau bahan-bahan yang terdapat di dalamnya tidak mengandungi sebarang bahan atau bahagian daripada haiwan yang dinyatakan sebagai haram oleh hukum Syariah atau haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Syariah.
2. Makanan tersebut tidak mengandungi sebarang bahan yang dinyatakan sebagai najis oleh hukum Syariah.
3. Makanan tersebut tidak disiapkan, diproses atau dihasilkan dengan menggunakan peralatan yang telah tercemar oleh bahan-bahan yang dinyatakan najis oleh hukum Syariah.
4. Semasa persiapan, pemprosesan, penyimpanan dan pengangkutan, makanan tersebut diasingkan sepenuhnya dari bahan lain yang tidak memenuhi butiran 1, 2 dan 3 atau sebarang bahan yang dinyatakan najis oleh hukum Syariah.

Mengikut hukum Syariah pula (<http://www.islam.gov.my>, 1999), sesuatu bahan dinyatakan najis apabila;

1. Telah dinyatakan terlarang untuk digunakan sebagai bahan makanan oleh hukum Syariah disebabkan bersifat kotor dan tidak dapat disucikan semula seperti daging babi, darah dan bangkai.
2. Pada asalnya bersifat halal, namun telah tercemar oleh sebarang bahan yang bersifat kotor.
3. Pada asalnya bersifat halal, namun telah mengalami persentuhan dengan sebarang bahan yang bersifat kotor.

Peningkatan kesedaran berhubung dengan makanan halal dan haram dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia umumnya telah meningkat (Yaakob dan Mariam, 2003). Hal ini sekaligus meningkatkan permintaan untuk makanan halal yang dijangkakan selari dengan pertambahan populasi masyarakat Islam di seluruh dunia. Dianggarkan purata perdagangan global

bagi makanan halal adalah hampir RM600 juta per tahun. JAKIM juga telah mengumumkan 74.7% pemegang sijil halal terdiri daripada peniaga bukan bumiputera. Isyarat positif ini menunjukkan bahawa peniaga bukan Islam mula mengambil berat tentang keperluan pengguna Islam terhadap produk makanan halal. Akan tetapi, masih terdapat segelintir pengguna Islam di negara ini yang tidak mempedulikan langsung tentang status halal makanan yang dibeli.

Dalam konteks Malaysia, amat mudah bagi pengguna Islam mendapatkan makanan yang disahkan halal kerana pengguna Islam tanah air mempunyai pelbagai pilihan untuk membeli keperluan makanan, termasuklah memilih restoran dan tempat sembelihan yang halal. Apabila isu ini dibincangkan, beberapa faktor dikenal pasti sebagai punca kurangnya sensitiviti pengguna Islam terhadap produk dan premis makanan halal. Antaranya, sikap pengguna Islam itu sendiri yang kurang sedar tentang kepentingan mengetahui status halal yang sah bagi setiap produk dan premis yang dikunjungi.

Sensitiviti masyarakat tentang status halal sesuatu produk kadangkala dilihat terhad terhadap sama ada daging itu disembelih oleh orang Islam atau tidak. JAKIM telah menggariskan beberapa perkara yang perlu dikenal pasti untuk sesebuah syarikat mendapat pengiktirafan sebagai pengeluar produk halal. Antaranya, makanan yang diniagakan itu bukan terdiri daripada haiwan yang haram disembelih atau dimakan dalam Islam dan tidak mengandungi sebarang unsur yang dihukum najis mengikut syarak. Makanan halal perlu bebas dari bersentuhan dan berdekatan dengan bahagian atau benda haram dan najis dalam Islam semasa peringkat penyediaan, pemprosesan dan penyimpanan.

Hakikatnya, terdapat beberapa perkara lain yang perlu diambil kira oleh pengguna Islam, seperti pekerja dan proses pengendalian di premis dan kilang makanan, tempat simpanan dan cara makanan diedarkan. Hal ini tidak seharusnya diambil mudah kerana ia bukan sahaja mengancam status halalnya, bahkan kecuaiannya pengeluar makanan ini juga boleh mendatangkan masalah kesihatan terhadap pengguna.

Pengguna Islam yang terlibat dalam penyediaan makanan halal perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk memenuhi keperluan syariat pelanggan seagamanya. Mengikut statistik JAKIM, syarikat multinasional, industri kecil dan sederhana yang memohon pensijilan halal masih didahului peniaga bukan bumiputera. Misalnya, hanya 21% sahaja syarikat multinasional bumiputera Muslim yang memiliki sijil halal, berbanding dengan 79% syarikat pengeluar makanan multinasional yang dimiliki oleh bukan bumiputera.

Justeru, sebagai kumpulan pengguna yang terbesar di Malaysia, warga Islam perlu menilai kembali sikap dan pengetahuan mereka terhadap produk dan premis makanan, sama ada halal atau tidak. Konteks halal juga perlu diperjelaskan supaya pengguna Islam bijak memilih produk makanan yang bersesuaian dengan keperluannya dan tidak terburu-buru menuduh sesebuah syarikat pengeluar makanan tanpa bukti. Hakikatnya, pilihan sebenar terletak di tangan pengguna sendiri, iaitu sama ada sensitif memilih makanan yang telah dilesenkan halal atau tidak mengendahnya langsung.

Metodologi kajian

Kajian yang dijalankan ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah survei. Populasi kajian mewakili kanak-kanak yang bersekolah di Zon Tengah Semenanjung Malaysia iaitu dari negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seramai 744 orang murid yang sedang menuntut dalam Darjah 5 dan Darjah 6 di sekolah rendah telah terpilih untuk terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sampel dilakukan secara persampelan rawak berlapis. Pada tahap pertama, cabutan rawak dijalankan untuk memilih sekolah dan pada peringkat kedua, kelas dipilih mengikut tahun dan seterusnya pelajar beragama Islam bagi kelas terpilih sahaja dilibatkan sebagai sampel kajian.

Data telah dikumpulkan dari tahun 2009 hingga 2010, dengan menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh pelajar terpilih di dalam bilik darjah mereka. Borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian, iaitu: Bahagian 1, maklumat ciri-ciri demografi responden. Antara ciri yang dikenal pasti ialah jantina, umur, individu yang tinggal bersama di rumah dan pekerjaan ibu bapa. Dalam Bahagian 2, soalan-soalan berbentuk tertutup (*closed-ended*) diberikan. Soalan dalam bahagian ini adalah tentang pengetahuan responden mengenai logo “Halal”. Terdapat lapan jenis logo “Halal” yang telah dikemukakan dan responden dikehendaki menyatakan sama ada pernah atau tidak melihat logo-logo tersebut dan adakah logo-logo tersebut boleh dipercayai. Responden juga ditanya tentang lokasi di mana logo-logo tersebut sering dilihat, sama ada di kedai runcit, gerai makan dan restoran, pada bungkus makanan dan tin minuman, pada botol minuman dan tin minuman dan lain-lain. Di samping itu, responden juga diminta untuk mengenal pasti haiwan dan minuman yang halal untuk dimakan dan diminum serta sumber maklumat mereka dalam mendapatkan pengetahuan tentang halal dan haram.

Hasil kajian

Bahagian ini akan dimulai dengan perbincangan tentang latar belakang demografi responden. Seterusnya, ini diikuti dengan perbincangan tentang perbezaan pengetahuan responden berhubung dengan makanan halal dan haram berdasarkan jantina.

Maklumat latar belakang demografi responden

Jadual 1 menunjukkan ringkasan latar belakang demografi responden. Daripada 747 responden, 30.7% melibatkan responden yang berasal dari Selangor, 19.1% dari Putrajaya, 17.9% dari Kuala Lumpur, 17.3% dari Perak dan 15.1% dari Negeri Sembilan. Dari segi jantina, 45.9% adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Lebih separuh daripada responden berumur 12 tahun (62.1%). Dari segi bilangan individu yang tinggal bersama, kajian mendapati bahawa majoriti responden mempunyai antara 5 hingga 9 individu yang tinggal bersama (75.7%). Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil responden yang mempunyai bilangan ahli isi rumah yang melebihi 15 individu (0.3%). Dari segi pekerjaan ibu bapa pula, majoriti bapa responden bekerja (92.4%) dan sebanyak 56.3% ibu responden yang bekerja.

Perbandingan pengetahuan tentang logo halal mengikut jantina

Dalam kajian ini, pengetahuan responden dikenal pasti melalui soalan-soalan yang memaparkan beberapa logo halal yang terdapat di pasaran. Responden kemudiannya ditanya sama ada mereka pernah melihat logo-logo tersebut atau tidak. Begitu juga, berdasarkan pengetahuan mereka, responden turut ditanya tentang kebolehpercayaan logo-logo tersebut.









Jadual 2 menunjukkan perbandingan pengetahuan tentang logo halal mengikut jantina. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati hampir kesemua responden, (99.4% lelaki; 99.5% perempuan) pernah melihat Logo 6, iaitu logo yang dikeluarkan oleh JAKIM. Selain itu, mereka juga yakin bahawa logo tersebut boleh dipercayai. Walau bagaimanapun, terdapat logo-logo yang menunjukkan peratus responden lelaki yang pernah melihat adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus responden perempuan. Sebagai contoh, Logo 5 (92.0% lelaki; 87% perempuan), Logo 4 (80.8% lelaki; 78.2% perempuan), dan Logo 8 (18.5% lelaki; 12.9% perempuan). Hanya Logo 1 dan Logo 7, pernah dilihat oleh lebih ramai responden perempuan berbanding dengan responden lelaki (Jadual 2). Namun begitu, kebanyakan responden mempunyai tahap keyakinan yang sama bagi kebolehpercayaan terhadap logo-logo yang pernah dilihat. Dapatan kajian ini memberi

gambaran bahawa responden agak prihatin terhadap aspek halal dan haram berhubung dengan makanan. Mereka juga dilihat telah meneliti logo yang pernah dilihat dan boleh membezakan antara logo yang boleh dipercayai atau sebaliknya.

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Responden

Angkubah	Bilangan (n)	Peratus (%)
Lokasi sekolah		
Selangor	228	30.7
Putrajaya	142	19.1
Kuala Lumpur	133	17.9
Perak	129	17.3
Negeri Sembilan	112	15.1
Jantina		
Lelaki	340	45.9
Perempuan	400	54.1
Umur (Tahun)		
8	1	0.1
10	16	2.2
11	264	35.6
12	461	62.1
Bilangan individu yang tinggal bersama		
< 4 orang	155	20.9
5-9 orang	561	75.7
10-14 orang	23	3.1
> 15 orang	2	0.3
Bapa bekerja		
Ya	678	92.4
Tidak	56	7.6
Ibu bekerja		
Ya	417	56.3
Tidak	324	43.7

Jadual 2: Perbandingan Pengetahuan Tentang Logo Halal Mengikut Jantina

Logo	Lelaki (%)		Perempuan (%)		Lelaki (%)		Perempuan (%)	
	Pernah lihat	Tidak pernah lihat	Pernah lihat	Tidak pernah lihat	Boleh dipercayai	Tidak boleh dipercayai	Boleh dipercayai	Tidak boleh dipercayai
 LOGO 1	85.9	14.1	87.4	12.6	45.8	54.2	47.2	52.8
 LOGO 2	2.4	97.6	1.0	99.0	4.2	95.8	1.8	98.2
 LOGO 3	5.4	94.6	3.8	96.2	8.6	91.4	7.0	93.0
 LOGO 4	80.8	19.2	78.2	21.8	76.3	23.7	67.8	32.2
 LOGO 5	92.0	8.0	87.5	12.5	64.3	35.7	62.9	37.1
 LOGO 6	99.4	0.6	99.5	0.5	97.0	3.0	97.2	2.8
 LOGO 7	7.8	92.2	9.1	90.9	12.0	88.0	9.3	90.7
 LOGO 8	18.5	81.5	12.9	87.1	18.3	81.7	14.0	86.0

Lokasi logo halal sering dilihat

Jadual 3 menunjukkan lokasi di mana responden sering melihat logo-logo tersebut. Didapati majoriti responden lelaki (90.9%) dan perempuan (90.3%) pernah melihat logo tersebut pada botol dan tin minuman. Keadaan ini memberi gambaran bahawa responden kerap melihat logo halal tersebut pada produk minuman.

Jadual 3: Lokasi di mana Logo Halal Sering Dilihat

Lokasi	Lelaki (%)		Perempuan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Di dalam kedai runcit.	82.9	17.1	83.2	16.8
Di gerai makan dan di restoran makanan.	61.8	38.2	59.3	40.7
Pada bungkusan makanan dan tin makanan.	84.1	15.9	89.5	10.5
Pada botol minuman dan tin minuman.	90.9	9.1	90.3	9.7
Lain-lain.	20.3	79.7	13.5	86.5

Pengetahuan tentang haiwan yang halal dimakan

Dalam menguji pengetahuan responden tentang perkara ini, mereka diberikan soalan yang menunjukkan gambar-gambar haiwan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4. Responden kemudiannya diminta untuk mengenal pasti haiwan-haiwan tersebut sama ada ia dikategorikan sebagai halal dimakan atau sebaliknya. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden lelaki dan perempuan menyatakan bahawa haiwan yang halal dimakan ialah ayam (98.2% lelaki; 98.8% perempuan) dan kambing (95.9% lelaki; 99.8% perempuan). Manakala haiwan yang haram dimakan pula ialah khinzir (99.7% lelaki; 99.7% perempuan), kucing (98.8% lelaki; 98.7% perempuan) dan ular (98.8% lelaki; 99.7% perempuan). Situasi ini jelas memberi gambaran bahawa responden boleh membezakan sama ada haiwan-haiwan tersebut adalah halal dimakan atau sebaliknya. Pengetahuan responden lelaki dan perempuan dalam hal ini juga, jika dilihat dari segi peratusan tidak banyak bezanya.

Jadual 4: Haiwan yang Halal Dimakan

Haiwan	Lelaki (%)		Perempuan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kucing	1.2	98.8	1.3	98.7
Kambing	95.9	4.1	99.8	0.3
Ular	1.2	98.8	0.3	99.7
Khinzir	0.3	99.7	0.3	99.7
Ayam	98.2	1.8	98.8	1.2

Pengetahuan tentang makanan/minuman yang halal dimakan/diminum

Jadual 5 pula menunjukkan jawapan responden tentang minuman yang halal diminum. Dalam menguji pengetahuan responden tentang minuman ini, pendekatan yang sama seperti menguji pengetahuan tentang haiwan juga digunakan, iaitu berdasarkan soalan yang menunjukkan gambar-gambar minuman seperti yang disenaraikan dalam jadual. Didapati peratusan responden perempuan yang menyatakan persetujuan bahawa air mineral (99.3%) dan teh tarik (99.0%) sebagai halal diminum adalah agak tinggi sedikit berbanding dengan responden lelaki, iaitu masing-masing dengan 97.9% bagi air mineral dan 96.2% bagi teh tarik. Walau bagaimanapun, kesemua responden bersetuju bahawa minuman arak adalah haram diminum. Secara keseluruhannya, didapati responden tahu membezakan minuman yang halal atau sebaliknya.

Jadual 5: Minuman yang Halal Diminum

Minuman	Lelaki (%)		Perempuan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Minuman arak	-	100.0	-	100.0
Air mineral	97.9	2.1	99.3	0.7
Teh tarik	96.2	3.8	99.0	1.0
Minuman ringan “coca cola”	68.5	31.5	63.8	36.2

Namun begitu, kajian ini juga mendapati hanya lebih sedikit daripada separuh responden sahaja yang menjawab bahawa minuman ringan “Coca Cola” sebagai halal diminum (68.5% lelaki; 63.8% perempuan). Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan kedua-dua responden lelaki dan

perempuan berhubung dengan status halal dan haram minuman ringan ini masih pada tahap yang agak lemah dan situasi ini amat membimbangkan.

Jadual 6 pula menunjukkan pernyataan-pernyataan tentang makanan dan minuman yang halal dimakan atau sebaliknya. Responden perempuan didapati mencatatkan peratusan yang lebih tinggi sedikit bagi tujuh pernyataan berbanding dengan responden lelaki. Pernyataan-pernyataan tersebut ialah “Semua haiwan ternakan halal seperti ayam dan kambing yang disembelih secara sempurna boleh dimakan” (95.6% lelaki; 97.5% perempuan), “Makanan yang mengandungi daging khinzir haram dimakan” (90.3% lelaki; 95.5% perempuan), “Makanan yang mengandungi lemak babi haram dimakan” (89.1% lelaki; 94.8% perempuan), “Makanan dan minuman yang mengandungi arak haram dimakan dan diminum” (84.4% lelaki; 6.0% perempuan), “Semua buah-buahan dan sayur-sayuran adalah halal dimakan” (91.8% lelaki; 92.8% perempuan), “Peniaga perlu meletakkan makanan dan minuman yang haram berasingan dari makanan dan minuman yang halal” (84.1% lelaki; 15.9% perempuan), dan “Makanan yang dimasak di Restoran Cina dan Restoran India (beragama Hindu) boleh dibeli dan dimakan” (9.4% lelaki; 92.2% perempuan).

Jadual 6: Pernyataan-pernyataan tentang Makanan dan Minuman yang Halal Dimakan atau Tidak

Pernyataan	Lelaki (%)		Perempuan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Semua haiwan ternakan halal seperti ayam dan kambing yang disembelih secara sempurna boleh dimakan.	95.6	4.4	97.5	2.5
Makanan yang mengandungi daging khinzir haram dimakan.	90.3	9.7	95.0	5.0
Makanan yang mengandungi lemak babi haram dimakan.	89.1	10.9	94.8	5.2
Makanan dan minuman yang mengandungi arak haram dimakan dan diminum.	84.4	15.6	94.0	6.0
Semua buah-buahan dan sayur-sayuran adalah halal dimakan.	91.8	8.2	92.8	7.2
Peniaga perlu meletakkan makanan dan minuman yang haram berasingan dari makanan dan minuman yang halal.	84.1	15.9	92.5	7.5
Makanan yang dijual di kedai kek seperti roti, kek dan biskut yang tidak mempamerkan logo "Halal" tidak sepatutnya dibeli	78.2	21.8	80.7	19.3
Makanan yang dimasak di restoran Cina dan restoran India (beragama Hindu) boleh dibeli dan dimakan.	9.4	90.6	7.8	92.2

Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden perempuan mempunyai pengetahuan asas yang baik sedikit berbanding dengan lelaki. Namun begitu, hasil kajian juga mendapati bahawa mungkin terdapat sedikit keraguan dalam kalangan responden yang dikaji bagi pernyataan “Makanan yang dijual di kedai kek seperti roti, kek dan biskut yang tidak mempamerkan logo halal tidak sepatutnya dibeli”. Hal ini kerana peratusan responden yang bersetuju dengan pernyataan ini didapati kurang menggalakkan bagi kedua-dua responden lelaki (78.2%) dan perempuan (80.7%).

Sumber maklumat mengenai halal dan haram

Responden juga ditanya tentang sumber maklumat mereka dalam mendapatkan pengetahuan berkaitan dengan halal dan haram seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Secara umumnya, didapati bahawa peratusan tertinggi dari segi kekerapan responden memperoleh maklumat daripada hampir kesemua sumber yang tersenarai adalah pada kadar kekerapan “kadang-kadang” sahaja. Terdapat empat sumber tertinggi yang menunjukkan “kadang-kadang” responden mendapatkan maklumat tentang halal dan haram daripada surat khabar (66.4%), televisyen (65.9%), rakan-rakan di sekolah kebangsaan (64.9%) dan guru-guru di sekolah kebangsaan (61.0%).

Selain itu, terdapat tiga sumber utama yang “selalu” memberi maklumat tentang halal dan haram, iaitu ibu (42.2%), guru-guru di sekolah agama (36.6%) dan bapa (35.1%). Golongan ibu didapati merupakan sumber yang paling dominan dalam memberi maklumat kepada responden. Sementara itu, hasil kajian juga mendapati bahawa lebih kurang satu per tiga daripada responden turut menyatakan bahawa terdapat sumber yang “tidak pernah” menyumbang maklumat tentang halal dan haram kepada mereka, iaitu notis papan kenyataan di sekolah (45.1%), buku teks (39.2%) dan buku bacaan (39.2%). Hal ini memberi gambaran bahawa pihak sekolah berperanan untuk memberi pendedahan kepada para responden tentang halal dan haram. Selain itu, kandungan buku teks juga perlu diteliti dan dikaji semula supaya elemen tentang halal dan haram dalam aspek pemakanan dimasukkan dalam sukatan pelajaran sebagai pendedahan awal kepada para pelajar.

Jadual 7: Sumber Maklumat tentang Halal dan Haram

Sumber Maklumat	Tidak Pernah (%)	Kadang-Kadang (%)	Selalu(%)
1. Surat khabar	15.7	66.4	17.9
2. Televisyen	12.2	65.9	22.0
3. Rakan-rakan di sekolah kebangsaan	22.7	64.9	12.4
4. Guru-guru di sekolah kebangsaan	10.7	61.0	28.3
5. Bapa	9.7	55.2	35.1
6. Majalah	38.9	54.9	6.3
7. Saudara mara	31.7	54.8	13.5
8. Ibu	3.4	54.4	42.2
9. Radio	35.2	54.4	10.4
10. Adik-beradik	31.2	53.3	15.5
11. Buku bacaan lain	39.2	50.7	10.1
12. Buku teks	39.2	49.3	11.5
13. Notis papan kenyataan di sekolah	45.1	44.7	10.2
14. Rakan-rakan di sekolah agama	37.2	44.4	18.4
15. Internet	34.9	41.7	23.3
16. Guru-guru di sekolah agama	24.2	39.2	36.6
17. Lain-lain	8.5	8.7	6.3

Kesimpulan

Isu halal sepatutnya menjadi perkara yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat, khususnya oleh pengguna Islam. Bagi setiap tindakan yang ingin dilakukan, maka perlu difikirkan faktor halal terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati responden agak prihatin terhadap aspek halal dan haram dalam makanan. Hal ini dapat ditunjukkan apabila majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik dalam setiap aspek yang telah dikaji. Oleh itu, bagi membolehkan kanak-kanak menjadi pengguna yang bijak di pasaran dan mendapatkan makanan yang halal dan berkualiti sebagaimana yang dituntut oleh ajaran Islam, usaha ke arah meningkatkan kesedaran mereka terhadap isu halal dan haram perlu diteruskan. Hal ini kerana zaman kanak-kanak

merupakan zaman yang perlu diberi perhatian kerana golongan ini merupakan pelapis negara pada masa hadapan.

Pengambilan makanan yang halal sejak zaman kanak-kanak lagi perlu dititikberatkan bagi membina jati diri dan sahsiah individu sebagai Muslim sejati dan bertakwa. Justeru, program ke arah meningkatkan pengetahuan berhubung dengan makanan dan minuman halal dalam suasana persekolahan perlu dilaksanakan dengan lebih terancang. Hal ini dapat mendidik pengguna, khususnya pengguna kanak-kanak supaya memikirkan faktor halal terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan pembelian. Pendidikan awal tentang aspek kepenggunaan sama ada secara formal atau tidak formal perlu diberikan penekanan dalam kurikulum sekolah. Selain ibu bapa, pihak guru juga perlu berganding bahu bagi membantu kanak-kanak, khususnya pelajar sekolah rendah untuk lebih memahami tentang halal dan haram dengan lebih jelas.

Rujukan

Al-Qur'an (Surah *al-Baqarah* 2: 168).

Al-Qur'an (Surah *al-Maidah* 5: 90).

Clarke, T. & Rollo, C. (2001). Corporate initiative in knowledge management. *Journal of Educational and Training*. 43(4), 206-214.

Dimuat turun pada Mei 23, 2011, dari web <http://www.islam.gov.my>.

Hamidah, S. K. *Halal bukan setakat di kedai makan*. Dimuat turun pada Julai 2011, dari <http://dwnmasyarakat.dbp.my/?p=1755>.

Marakas, G. M. (1999). *Decision Support System in the Twenty-first Century*. New Jersey: Prentice-Hall.

Saifuddeen, S. M. (2001). *Being Healthy by Eating Permitted and Quality Food*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Yaakob, C. M. & Mariam, A. L. (2003). Halal food in global perspective. *A Paper Presented at a Seminar on Halal Food: "The Concept and its Business Opportunities"*. Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu.